PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

16 – 30 April 2012

http://www.facebook.com/buletinmutiara
http://www.facebook.com/cmlimguaneng

**Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat Mengucapkan Selamat Hari Pekerja 2012 kepada semua rakyat Pulau Pinang.**

# Ketua Hakim Syarie syukur integriti diiktiraf, kompleks mahkamah dibina

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**



LAKARAN artis kompleks baru tujuh tingkat Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang.

**GEORGE TOWN** – Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang, Datuk Yusof Musa yang dipilih menerima Hadiah Integriti sulung Pulau Pinang kerana membongkarkan penyelewengan RM500,000 membabitkan seorang kakitangan Mahkamah Syariah sekaligus menyerlahkan insiatif Kerajaan Negeri dalam melaksanakan polisi Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT).

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng sendiri yang menyerahkan sijil penghargaan dan wang tunai RM10,000 atas keberanian Yusof membongkarkan penyelewengan membabitkan bayaran balik bon jaminan di Mahkamah Syariah.

Yusof, 52, yang ditemui Buletin Mutiara baru-baru ini melahirkan rasa terima kasih atas sokongan Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap menyemarakkan budaya integriti di negeri berkenaan.

"Ini (pelantikan sebagai Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang) adalah amanah yang suatu hari nanti akan dihitung oleh Allah.

"Bukan anugerah yang saya cari, tetapi amanah kita dengan Allah," ujarnya," ujarnya di George Town di sini.

Yusof memulakan perkhidmatan sebagai Ketua Hakim Mahkamah Syarie Pulau Pinang pada Februari 2009.

Beliau menjelaskan, unsur penyelewengan mulai disedarinya apabila menyemak sistem fail mahkamah.

"Pada hari ke-16, saya mula berkhidmat di sini (Pulau Pinang), saya lihat ada sesuatu yang tidak kena pada (sistem) fail.

"Ada (pelanggan) yang dibayar sampai RM7,000 bon jaminan sedangkan kadar maksimum (bon jaminan) apa jua kes hanya RM5,000 sahaja.

"Dari situ, saya mula teliti baucer (bon jaminan) yang dikeluarkan dan memanggil kakitangan yang disyaki," ujar beliau.

Pendedahan itu kemudiannya dilaporkan pada polis dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Manakala, suspek pecah amanah tersebut telah dilarang oleh Yusof sendiri untuk melakukan tugas-tugas kewangan di jabatannya sehingga siasatan lanjut selesai.

Yusof dalam nada rendah diri berharap insiden tersebut akan diteladani oleh penjawat awam lain dan rakyat di negeri berkenaan.

Dalam perkembangan yang sama, Yusof turut melahirkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri kerana meluluskan permohonan 3.5 ekar tanah di Jalan Batu Gantung untuk didirikan Kompleks Ibu Pejabat Mahkamah Syariah Negeri Pulau Pinang di Jalan Batu Gantung/Jalan Scotland di sini.

"Kerajaan Negeri di bawah Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (Guan Eng) meluluskan 3.5 ekar tanah manakala pusat beri peruntukan RM36.5 juta.

"Kalau boleh, mahkamah syariah kita ini menjadi aras tanda terbaik dari segi prasarana dan budaya pengurusan bagi negeri-negeri lain kelak.

"Dengan kompleks ini, banyak masalah boleh diselesaikan," ujar beliau.

Dengan pembinaan kompleks tersebut dan budaya integriti Yusof yang dihargai sekaligus menjadi satu lagi rekod Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited memelihara kedudukan Islam di negeri berkenaan.



YUSOF Musa.

# Guan Eng gesa Najib perjelas status tanah KGNS diseleweng

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KUALA LUMPUR –** Pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak digesa mendedahkan status 330 ekar tanah Kelab Golf Negara Subang (KGNS) bernilai lebih RM5 bilion yang didakwa bakal dirompak oleh kroni-kroni UMNO sendiri.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng di dalam kenyataannya baru-baru ini berkata, Najib yang juga Presiden UMNO wajar mendedahkan butiran-butiran berwajib kepada rakyat Malaysia sekiranya benar dakwaan tersebut.

"Kalau 'ya', beliau harus mendedahkan butiran-butiran kepada pihak awam. Kalau tidak, segala tranformasi yang diwar-warkan akan dibuktikan sebagai sembang kosong," ujarnya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, isu tersebut dilihat berpontensi sebagai satu lagi "pelanunan" yang sinonim dengan gejala kapitalisme dalam kalangan kroni-kroni Barisan Nasional (BN).

Isu status tanah KGNS jadi perhatian apabila ahli industri, Tan Sri Syed Mokhtar Al-Bukhary dan Sunway Berhad disebut-sebut berminat dengan tanah berkomersial tinggi itu.

Perspective Lane (M) Sdn. Bhd. yang dikuasai oleh adik-beradik Syed Mokhtar dan Sunway City Sdn. Bhd. dikhabarkan telahpun menyerahkan pelan penswastaan kepada pentadbiran Najib pada akhir tahun lepas.

Presiden KGNS, Tan Sri Megat Najmuddin Megat Khas bagaimanapun menafikan desas-desus tersebut.

Pun begitu, penafian Megat Najmuddin menggamit pelbagai tanda tanya lain, seperti kedudukannya sendiri sebagai Pengerusi merangkap Pengarah bebas *Tradewinds Corp*. yang dikenal pasti mempunyai hubungan serta kepentingan dengan Syed Mokhtar.

Malah, Megat Najmuddin dilaporkan berkata, penjualan tanah tersebut bakal menjadi "pembunuh politik" atas alasan kelab itu diasaskan oleh Perdana Menteri pertama Tunku Abdul Rahman melalui akta Parlimen pada 1960.

KGNS, yang tidak mempunyai pajakan mutlak ke atas tanah, sekarang sedang mempertahankan diri daripada tuntutan mahkamah yang dibuat Suruhanjaya Tanah Persekutuan untuk memindahkan tanah itu yang dibuat pada 2004.

KGNS telah diilhamkan oleh Perdana Menteri pertama Tunku sebagai lokasi kakitangan kerajaan boleh bergaul dengan masyarakat dan institusi bersejarah buat mereka yang membesar di Petaling Jaya.

Perkembangan terbaru itu sekaligus seakan menyerlahkan wajah sebenar pentadbiran Najib yang dilihat gemar merampas tanah rakyat, termasuk milik Melayu.

"Bukan sahaja orang Cina, Iban, Kadazan, Orang Asli dan India, tetapi orang Melayu juga menjadi mangsa kepada rampasan tanah 1Malaysia," sindir Guan Eng.



**LIM Guan Eng memberikan penghormatan akhir kepada mendiang Subbaiyah di kediaman mendiang di Bagan Ajam di sini baru-baru ini. Turut kelihatan ialah G. Palanivel.**

## Takziah buat keluarga mendiang Pengerusi MIC P. Pinang - Guan Eng

**BAGAN** - Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng antara ahli politik tanah air yang memberikan penghormatan akhir kepada mendiang Pengerusi MIC Pulau Pinang, Datuk P.K.Subbaiyyah.

Beliau turut merakamkan takziah ketika melawat keluarga mendiang di Taman Meranti, Bagan Ajam di sini baru-baru ini.

Turut kelihatan di rumah mendiang, Presiden MIC Senator Datuk G. Palanivel.

Mendiang berusia 63 tahun, meninggal dunia kira-kira jam 5.30 pagi pada 18 April lalu selepas menerima serangan jantung ketika tidur.

Subbaiyah meninggalkan seorang isteri, Vallini serta dua orang anak, Gowri dan Ganesh.

**SINDIR MUTIARA** *Oleh: SAM*



# Sumbangan RM10,000 untuk keluarga Allahyarham Cikgu Fahmi

**GEORGE TOWN –** "Takziah kepada keluarga Allahyarham Mohd. Fahmi Abdul Wahab yang telah kembali ke rahmatullah pada 21 April lalu," ujar Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng pada Majlis Penyampaian Sumbangan Ikhlas Kerajaan Negeri berjumlah RM10,000 kepada balunya di sini baru-baru ini.

Balu kepada Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Dua tersebut, Che Sopiah Abdullah, 59, hadir bersama anak lelaki bongsunya masih kelihatan sedih bagaimanapun redha dengan pemergian Allahyarham.

Menurut Che Sopiah, arwah Mohd. Fahmi, 60, atau lebih mesra disapa Cikgu Fahmi menghembus nafas terakhir sekitar jam 3 pagi di Hospital Kepala Batas setelah mengalami kesukaran bernafas.

"Masa kat (di) hospital, anak yang bongsu tu (itu) mai (mari) panggil mama, makcik dah (sudah) agak dah. Makcik redha.

"Terima kasihlah semua sebab banyak membantu dan ambil berat," ujar Che Sopiah yang menyifatkan Allahyarham sebagai seorang yang bekerja keras dan penyayang kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Allahyarham Cikgu Fahmi meninggalkan seorang balu dan tiga cahaya mata, Sofaiza Mohd. Fahmi, 32; Mohd. Faizam Mohd. Fahmi, 31 dan Mohd. Ikhwan Mohd. Fahmi, 28.

Jenazah Allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Masjid Permatang Sungai Dua, Kepala Batas.



**CHE Sopiah Abdullah (empat dari kiri) menerima sumbangan khairat kematian daripada Ketua Menteri sambil ditemani oleh anak bongsunya, Mohd. Ikhwan Mohd. Fahmi (dua dari kiri) dan Pegawai-pegawai Penyelaras KADUN lain di sini baru-baru ini.**

## Pangsapuri berusia 18 tahun dinaiktaraf, dicat semula

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**BAYAN BARU** – Bagi 180 pemilik rumah Pangsapuri Mahsuri, Bandar Bayan Baru , di sini, usaha Kerajaan Negeri dan Perbandanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) mengambil inisiatif khas menaiktaraf bangunan berusia 18 tahun didiami begitu bermakna buat mereka.

Penyelenggaraan projek perumahan tersebut telah diserahkan oleh PDC kepada Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Mahsuri melalui Mesyuarat Agung tahunan (AGM) Pertama yang diadakan pada Mac 2004, di mana memohon agar PDC mempertimbangkan supaya menjalankan kerja-kerja pengecatan semula projek perumahan tersebut.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, pengecatan semula Pangsapuri Mahsuri umpama 'impian menjadi kenyataan' buat semua penduduk yang mengimpikannya.

"Pihak PDC telah membina sejumlah 12,869 unit perumahan bertingkat di seluruh negeri Pulau Pinang. Daripada jumlah itu, 102 Perbadanan Pengurusan (MC) yang merangkumi 6,716 unit telahpun berjaya diserahkan. Salah satu daripadanya adalah Pangsapuri Mahsuri.

"Penduduk (Pangsapuri Mahsuri) amat bertuah kerana menjadi pangsapuri pertama menerima projek pengecatan semula melalui kaedah perkongsian kos 80/20 sepertimana yang telah diluluskan oleh Lembaga PDC," ujarnya semasa Majlis Penyerahan Siap Kerja Pengecatan Semula Pangsapuri Mahsuri di sini baru-baru ini.



**SALAH seorang penduduk berjabat tangan dengan Ketua Menteri ekoran inisiatif Kerajaan Negeri dan PDC menaiktaraf pangsapuri berusia 18 tahun tersebut pada Majlis Penyerahan Pengecatan Semula Bangunan Pangsapuri Mahsuri di sini baru-baru ini.**

Jelas beliau lagi, Lembaga PDC telah meluluskan satu polisi baru berkaitan pengecatan semula bagi bangunan perumahan bertingkat yang telah dibangunkan oleh PDC melalui tawaran perkongsian kos 80/20 di antara pihak PDC dan MC.

"Kerja-kerja pengecatan semula yang bermula November 2011 melibatkan kos keseluruhan sebanyak RM335,555.00. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM268,444.00 atau 80% kos pengecatan adalah ditanggung oleh PDC. Manakala, RM67,111.00 atau baki 20% lagi oleh MC.

"Pangsapuri Mahsuri bukan sahaja telah mendapat wajah baru yang lebih cantik tetapi juga membantu meningkatkan lagi harga pasaran bagi unit-unit perumahan di pangsapuri ini," katanya.

Hadir sama Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Sim Tze Tzin, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus dan Pengerusi Perbadanan Pengurusan Pangsapuri Mahsuri, Teoh Jin Aik.

# Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat yang berjiwa rakyat sentiasa adil kepada semua.

## Pemilik Restoran DOREMI, Johar Ismail :

- Mohon maaf kepada Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri kerana publisiti negatif .
- Kesal dengan kesempatan yang diambil orang-orang dan organisasi tertentu sehingga beri publisiti negatif kepada Kerajaan Negeri.
- Ucap terima kasih di atas sumbangan RM20,000 Kerajaan Negeri.

21 Mac 2012

Johar Bin Ismail
D-5-1 Fasa 2, Flat Uda
Tanjung Tokong
10470 Pulau Pinang
K/p : 760120-07-[illegible]

YAB TUAN LIM GUAN ENG
Ketua Menteri Pulau Pinang
Tingkat 28, KOMTAR
10503 Pulau Pinang

YAB,

PER: PENYELESAIAN MASALAH GERAI DOREMI

Saya seperti nama dan alamat di atas mengucapkan ribuan terima kasih di atas sumbangan YAB Ketua Menteri dan YB Dato' Timbalan Ketua Menteri 1 sebanyak RM20 ribu dan juga bantuan dan nasihat daripada YB Haji Abdul Malik kepada saya berhubung dengan persetujuan saya mengosongkan premis restoran 'DOREMI'. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana menawarkan seunit gerai di kompleks gerai Bayu Senja di Batu Feringghi tetapi malangnya perniagaan restoran saya tidak sesuai dengan tapak gerai di kompleks itu.

Saya juga merasa kesal atas publisiti negatif yang telah diadakan dan ini telah diambil kesempatan oleh orang-orang dan organisasi tertentu.

Saya juga memohon maaf kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas publisiti negatif dan kejadian-kejadian yang tidak diingini yang telah berlaku akibat tindakan di atas kerja penguatkuasaan terhadap premis restoran yang lalu.

Saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri dan Kerajaan Negeri di atas keprihatinan yang diberi terhadap masalah saya dan keluarga saya.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

..............................
( Johar Bin Ismail )
K/P : 760120-07-[illegible]
Akaun No : [illegible]
Nama Bank : [illegible]



PENGERUSI Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (kanan sekali) bersama Ketua Menteri dan Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersalaman dengan Johar Ismail yang kesal dengan publisiti negatif babitkan Kerajaan Negeri.

**Rakyat Pulau Pinang jangan sesekali percaya fitnah-fitnah jahat yang dapat memecah-belahkan keharmonian negeri.**

# Pendidikan Malaysia terbaik 'lawak antarabangsa' Muhyiddin - Guan Eng

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**KUALA LUMPUR** – Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin dinasihat supaya tidak membuat "lawak antarabangsa" kononnya mutu pendidikan anak-anak di Malaysia jauh lebih baik berbanding di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Jerman.

Ahli Parlimen Bagan, Lim Guan Eng berkata, Indeks Daya Saing Global yang dikeluarkan oleh Laporan Ekonomi Dunia bagi tahun 2011-2012 melaporkan mutu pendidikan di ketiga-tiga negara kelompok Eropah itu jauh lebih baik berbanding di tanah air ini.

"Dia (Muhyiddin) telah menjadikan Malaysia modal lawak antarabangsa dengan mendakwa bahawa mutu pendidikan negara kian baik berbanding Amerika Syarikat, UK dan Jerman.

"Jika ya, Tan Sri Muhyidin perlu menjawab mengapa tidak ada pemenang Hadiah Nobel tunggal yang merupakan seorang warganegara Malaysia dan tidak ada sebuah universiti Malaysia antara 200 Universiti terkemuka di dunia.

"Ini adalah satu kenyataan yang terlampau tidak tepat yang direka semata-mata untuk propaganda politik yang hanya akan mengurangkan kedudukan berprestij Timbalan Perdana Menteri," ujarnya dalam satu kenyataan dikeluarkan di sini baru-baru ini.

Justeru, beliau berkata, Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran Malaysia mungkin tersalah petik laporan atau tidak meneliti keseluruhan aspek yang dilihat serta dilaporkan dalam laporan antarabangsa itu.

Laporan global itu mendedahkan, hampir semua aspek menyaksikan Malaysia berada pada tangga yang lebih rendah dari anak tangga ke-21.

Berikut adalah data yang tidak didedahkan oleh Muhyiddin:

* Kualiti Pendidikan Rendah (tangga ke-21)

* Pendaftaran Pendidikan Rendah (tangga ke-61)

* Pendaftaran Pendidikan Menengah (tangga ke-101)

* Pendaftaran Pendidikan Tertiari (tangga ke-66)

* Kualiti Pendidikan Matematik dan Sains (tangga ke-23)

* Kualiti Sekolah Pengurusan (tangga ke-27)

* Akses Internet di sekolah-sekolah (tangga ke-36)

* Ketersediaan Perkhidmatan Penyelidikan dan Latihan (tangga ke-18)

"Dalam hampir semua langkah-langkah lain terhadap pendidikan, kita menduduki tempat yang lebih rendah daripada 21.

"Kedudukan kita (Malaysia) di tangga ke-101 (dari aspek Pendaftaran Pendidikan Menengah) meletakkan kita di bawah Thailand (94), Indonesia (91) Brunei (35) dan Singapura (17) di rantau ASEAN," ujar beliau.

## 'Tuduhan tidak benar!' - KM

**GEORGE TOWN** - "Tuduhan itu tidak benar, saya tidak arahkan mana-mana pihak untuk memboikot akhbar Melayu," tegas Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng ketika diminta mengulas berhubung laporan salah sebuah akhbar menyatakan beliau mengugut untuk tidak memberi sebarang bentuk peruntukkan kepada sekolah di negeri ini yang melanggan akhbar-akhbar Melayu tertentu.

Jelas Ketua Menteri, beliau tidak pernah menyebut atau menghalang mana-mana sekolah di Pulau Pinang terutama sekolah Cina di negeri ini untuk melanggan akhbar berbahasa Melayu. Sebaliknya, beliau cuma menyarankan supaya memboikot akhbar berbahasa Melayu yang mengada-adakan cerita, mengadakan laporan yang tidak tepat dan benar serta selalu mengelirukan rakyat.

Tambah beliau lagi, laporan sedemikian bukan sahaja mampu meracuni pemikiran pelajar sekolah, malah, turut mengheret isu mempelajari bahasa kebangsaan.

"Kononnya saya menghalang semua sekolah Cina mempelajari bahasa kebangsaan.

"Tuduhan demikian memang tidak berasas," tegas beliau pada majlis sidang akhbar di sini baru-baru ini.

Sementara itu, dalam majlis sidang akhbar sama, beliau turut meminta agar rakyat Pulau Pinang supaya tidak terjebak dengan dakyah tidak benar ekoran amaran kejadian tsunami yang menyatakan bahawa perkhidmatan Jambatan Pulau Pinang dan feri ditutup sejurus selepas gerak gempa yang melanda Sumatera baru-baru ini.

"Khabar angin sebegini berniat jahat, bertujuan untuk melumpuhkan kelancaran ekonomi Pulau Pinang yang bergantung kepada sektor pelancongan dan perkilangan.

"Sekiranya terdapat gangguan perkhidmatan jambatan dan feri, pihak berkenaan perlu berunding terlebih dahulu dengan Kerajaan Negeri," ujar Guan Eng yang turut mengadakan pertemuan dengan para penggerak industri utama dalam menghadapi kecemasan berkenaan.

Hadir sama, Pengerusi Frepenca yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Globetronics, Heng Huck Leng; Pengerusi Penang Hoteliers Association (PHA), Mary Ann Harris; Pengerusi Bersama PHA, Marco Bassistotti dan para penel penggerak industri utama negeri.



**MANSOR Othman (empat dari kiri) menyerahkan replika cek sumbangan kepada Muhammad Fadzil Alias (tiga dari kanan) sambil disaksikan Abdul Malik Abul Kassim (empat dari kanan) dan Mohd. Salleh Man (dua dari kanan) pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Agama Rakyat bagi Tahun 2012 di SABK al-Masriyah di sini baru-baru ini.**

## Bantuan SAR meningkat lagi

**BUKIT MERTAJAM** – Bagi memartabatkan mutu pembelajaran dan pengajaran, Kerajaan Negeri, sejak tahun 2009, telah memperuntukkan sehingga RM1.75 juta setiap tahun untuk pembangunan dan bagi memenuhi keperluan penddikan 105 buah Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan 13 buah Sekolah Tahfiz (ST) di sini.

Peruntukan tersebut juga melibatkan sepuluh buah Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), lima buah Sekolah Menengah Agama (SMA) dan lima buah Sekolah Rendah Agama (SRA).

Malah, bagi memartabatkan lagi pembangunan Islam di negeri ini, Kerajaan Negeri turut merancang untuk mewujudkan sebuah Maahad Tahfiz Sains sepertimana yang terdapat di Kelantan dan Terengganu serta sebuah universiti Islam.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Abdul Malik Abul Kassim, selain pembangunan sekolah, Kerajaan Negeri turut menyalurkan sumbangan berjumlah RM1,000 kepada 105 buah SAR dan saguhati kepada 811 guru yang membabitkan peruntukan berjumlah RM348,300.

"Kerajaan Negeri bertekad untuk meningkatkan mutu dan prestasi pendidikan agama melalui pelbagai program dan perancangan.

"InsyaAllah dengan sokongan yang diberikan, Kerajaan Negeri berharap agar dapat membentuk generasi pewaris yang berilmu dan bertaqwa dalam memartabatkan syiar Islam di negeri ini," ujar beliau pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada Sekolah Agama Rakyat bagi Tahun 2012 di SABK al-Masriyah di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman, Ahli Dewan Undangan Negeri Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man; Setiausaha Baitulmal, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Sazali Hussein, wakil-wakil Bahagian Pendidikan, Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP) dan para mudir dan guru-guru SAR. Majlis turut diserikan dengan persembahan nasyid oleh kumpulan ad-Din Voice, SMA Islam al-Masriyah.

Serentak itu, Mansor turut menyampaikan sumbangan peribadi berjumlah RM10,000 kepada Mudir SABK al-Masriyah bagi tujuan pembangunan sekolah berkenaan.

# LTABL baru dijangka lewat siap 2 bulan



KETUA Menteri bersama Aris Othman (belakang) dan Azmi Murad (hadapan) melihat lakaran imej Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang bakal berubah wajah.

**BAYAN LEPAS –** Projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan lepas yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan sebanyak RM250 juta dijangka siap sepenuhnya Ogos 2012 walaupun berlaku kelewatan dan beberapa masalah teknikal ketika ini.



LAKARAN artis imej Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang baru.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika lawatan kerjanya berkata, Kerajaan Negeri sedikit sebanyak menerima tempias akibat daripada kelewatan tersebut sehingga menjejaskan dan memberikan ketidakselesaan kepada para pengguna.

"Walaupun projek tersebut dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan, kita (Kerajaan Negeri) terpaksa mengambil tahu apabila kerja-kerja pembesaran dan penambahbaikkan ini telah menyebabkan berlakunya banjir dan kebocoran apabila hujan lebat.

"Pengunjung yang menggunakan lapangan terbang ini akan mengalami kesukaran bukan sahaja kepada perjalanan mereka, tetapi, lebih teruk sekiranya banjir dan kebocoran ini menyebabkan kerosakkan barangan yang dibawa," ujarnya di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, beliau menggesa agar pembesaran dan penambahbaikkan tersebut dapat dilaksanakan secepat yang mungkin.

"Kerajaan Negeri sangat berharap segala masalah teknikal yang dihadapi dapat diselesaikan pada kadar segera kerana ini (masalah) memberikan imej negatif kepada para pelawat, pelabur dan pelancong yang datang ke sini.

"Kepentingan, kepuasan dan kelesaan setiap pengunjung ke negeri ini adalah keutamaan yang perlu kita jaga. Lapangan terbang memberikan tanggapan pertama mereka apabila memasuki Pulau Pinang, seharusnya, perkara ini tidak sama sekali berlaku," tegas beliau.

Hadir sama Pengerusi Malaysia Airport Berhad, Tan Sri Datuk Aris Othman dan Pengurus Besar Malaysia Airport Berhad, Datuk Azmi Murad.

# KM rai 50 pelajar cemerlang STPM 2011

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Seramai 50 orang pelajar dan tiga buah sekolah yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun lalu (2011) telah diraikan dalam satu Majlis Anugerah Cemerlang STPM 2011 bertempat di Auditorium A, Komtar di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, peruntukan yang disediakan Kerajaan Negeri bagi meraikan pelajar cemerlang adalah meningkat dari tahun ke tahun.

"Kerajaan Negeri telah memperuntukkan lebih kurang RM30,250 pada tahun ini (2012) untuk diagihkan kepada pelajar-pelajar cemerlang negeri Pulau Pinang.

"Malah, peruntukan ini dilihat meningkat saban tahun, di mana bagi tahun 2010 (RM26,650), 2009 (RM19,850) dan 2008 (RM13,800) telah disumbangkan kepada anak-anak tempatan yang berjaya tanpa mengira latar belakang, kaum dan jantina," katanya pada Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang STPM di sini baru-baru ini.

Tambah beliau, bukan setakat itu, pada tahun 2012, pemberian wang telah dinaikkan kepada RM500 berbanding tahun lepas sebanyak RM400. Pada masa sama, wang ganjaran turut diberikan kepada pelajar terbaik mengikut kategori, pelajar istimewa (khas) dan sekolah terbaik.

"Sememangnya wang yang diperoleh ini adalah 100 peratus daripada sumber halal hasil daripada kempen anti-rasuah dan lebihan bajet yang dicapai semenjak Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat menggunakan urus tadbir CAT (Cekap, Akauantabel, Telus)," jelas beliau.

Sementara itu, bagi salah seorang penerima yang merupakan pelajar Penang Free School (PFS), Edi Afiq, 20, berkata, dia tidak menyangka akan menjadi salah seorang daripada pelajar paling cemerlang bagi kategori Pelajar Terbaik Melayu pada hari tersebut.

"Ini adalah hasil ganjaran berkat usaha dan penat lelah selama dua tahun. Dengan anugerah ini tertebus lah kembali kegagalan saya ketika Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dulu yang hanya memperoleh keputusan cukup makan sahaja," jelasnya yang bercita-cita menjadi seorang pendidik kelak.



PARA pelajar tidak melepaskan peluang bergambar kenang-kenangan bersama Ketua Menteri dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat bersempena Majlis Penyampaian Anugerah Cemerlang STPM di sini baru-baru ini.

Tidak ketinggalan adalah tiga buah sekolah iaitu Jit Sin, Chung Ling George Town dan Chung Ling Butterworth yang turut diraikan apabila dinobatkan sebagai Sekolah Terbaik STPM tahun lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang, Datuk Abdul Halim Hussain, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Muhammad Yusoff Wazir dan Ketua Sektor Pengurusan Sekolah Peperiksaan, Pauzi Omar.

# Lynas, UMNO 'bahaya dua serangkai'



OMAR Hassan.




HAMPIR 50 aktivis dan penduduk tempatan melancarkan perhimpunan aman membantah operasi Lynas di perkarangan Masjid Permatang Janggus, Permatang Pauh di sini baru-baru ini.

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**PERMATANG PAUH –** Serentak di seluruh negeri, Pulau Pinang menyaksikan demontrasi aman anti Lynas di perkarangan Masjid Permatang Janggus, Permatang Pauh sejurus selepas solat fardhu Jumaat di sini baru-baru ini.

Hampir 50 aktivis berhimpun di bahu jalan utama, tidak termasuk hampir 300 ahli jemaah karyah serta lori serba hijau yang dijadikan sebagai anjung bantahan.

Mereka melaungkan, "anti Lynas, anti UMNO", "Allahu Akbar", "Solidariti Hijau Semalaysia Hentikan Lynas."

Yang Dipertua PAS Kawasan Permatang Pauh, Omar Hassan menyeru rakyat supaya menghukum kepemimpinan UMNO Barisan Nasional kerana menolak protes rakyat di bumi Gebeng, Kuantan, Pahang.

"Bantahan kita (rakyat) ini berasas, bukan sekadar selamatkan orang-orang PAS, tapi orang UMNO dan rakyat Malaysia... Lynas dan UMNO ini 'bahaya dua serangkai'," ujarnya ketika ditemui di lokasi.

Turut hadir, beberapa pemimpin pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

# Kembalikan P. Pinang sebagai pusat kegiatan kesusasteraan

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Pulau Pinang kini adalah bandaraya yang sedang berkembang pesat bukan sahaja dari segi pertumbuhan ekonomi, malah, turut mencakupi pelbagai bidang termasuk pembangunan sastera dan pembentukkan minda seni bertaraf antarabangsa.

Antara langkah yang diorak ke arah itu adalah penganjuran Sambutan Ulangtahun Kelahiran Sasterawan Negara, Profesor Emeritus Muhammad Salleh oleh *Penang Institut* (PI) di sini baru-baru ini.

Bersempena penganjuran tersebut, PI telah menganjurkan pelbagai acara termasuk pameran khas sasterawan, Forum Nusantara 'Sireh Pulang ke Gagang' dan Malam Kemuncak yang diadakan pada 9 April hingga 14 April lalu di Kompleks Tun Abdul Razak di sini.

Profesor Emeritus Muhammad Salleh dalam ucapan beliau berharap agar Pulau Pinang boleh kembali menjadi pusat perkembangan sastera Melayu sebagaimana era penulis-penulis terkemuka seperti Noordin Hassan, Shahnon Ahmad dan Syed Syeikh al-Hadi.

"Sukar untuk melatih para pelajar kini untuk menguasai ilmu sastera.

"Sastera memerlukan semangat. Tidak boleh dikesampingkan. Sastera menjadi medan untuk menuturkan suara hati," ujar beliau yang cukup teruja dengan sambutan ulangtahun kelahiran beliau yang turut dihadiri oleh sasterawan Indonesia, Goenawan Mohamad di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menyatakan bahawa Sambutan Ulangtahun Kelahiran Sasterawan Negera ini merupakan langkah awal Kerajaan Negeri menghidupkan semula kegiatan seni dan kebudayaan.

Menerusi penganjuran acara sebegini, ia dapat membuktikan hasrat dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar pilihan para penggiat seni dan kebudayaan dalam menghidupkan semula negeri ini sebagai pusat kegiatan persuratan seperti suatu ketika dahulu.

"Tahniah kepada Penang Institute (PI) kerana berjaya menganjurkan acara bertaraf antarabangsa ini.

"PI bukan sahaja diwujudkan sebagai sebuah badan pemikir dan pusat penyelidikan, malah, turut menganjurkan program-program ilmiah, pemikiran dan kebudayaan," ujarnya sambil mengumumkan bahawa PI akan memperkenalkan Anugerah Sastera Pulau Pinang yang bertujuan untuk mengiktiraf dan menggalakkan kegiatan kesusasteraan di negeri ini dalam tempoh terdekat.



PROFESOR Emeritus Muhammad Salleh (depan, dua dari kiri) memotong pulut kuning sambil disaksikan Ketua Menteri dan dif-dif kehormat pada Malam Kemuncak Sambutan Ulangtahun Kelahiran Sasterawan Negara, Profesor Emeritus Muhammad Salleh oleh PI di sini baru-baru ini.

# Kempen Tandas Bersih sasar kesedaran umum

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG JAYA** – Prihatin dengan isu kebersihan tandas yang sering diabaikan orang ramai di tempat-tempat awam khususnya di kawasan Seberang Perai, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah melancarkan Kempen Tandas Bersih bertempat di pusat beli belah Sunway Karnival di sini baru-baru ini.

Kempen yang julung kali diadakan di Sunway Karnival tersebut telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow sambil disaksikan oleh Yang Di-Pertua (YDP) MPSP, Maimunah Mohd. Sharif, Ahli-Ahli Majlis MPSP serta beberapa orang tetamu jemputan khas.

Kempen berkenaan adalah bagi memperlihatkan dengan lebih jelas masalah-masalah kebersihan di tandas awam terutama milik pihak berkuasa tempatan (PBT) terbabit serta tidak terkecuali tandas-tandas milik swasta.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa '*Task Force*' Kesihatan Awam MPSP, Soon Lip Chee, pada tahun lalu, pihaknya (MPSP) telahpun melaksanakan sistem penggredan bagi memberikan markah terhadap tahap kebersihan tandas awam di semua pasaraya, hotel, stesen minyak dan sebagainya.




**ORANG ramai sedang melihat pameran yang disediakan oleh Kerajaan Negeri mengenai kebersihan tandas awam di Sunway Karnival di sini baru-baru ini.**

"Daripada 782 tandas di restoran yang telah dibuat pemeriksaan, didapati sebanyak 632 tandas iaitu kira-kira 82 peratus hanya mendapat gred 2 bintang.

"Ini amat mengecewakan kami kerana tiada satu pun tandas di premis makanan yang mendapat pengiktirafan 5 bintang," ujar beliau semasa ditemui oleh wartawan Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Lantaran itu, pihak MPSP telah berbincang tentang kaedah untuk meningkatkan kesedaran orang awam bahawa betapa pentingnya penjagaan tandas awam.

Dalam pada itu, seramai sembilan wakil bagi setiap pasaraya iaitu Sunway Karnival, Carrefour, Jusco Perda (AEON Perda), Giant Prima Prai, Tesco Extra, Tesco Alma, The Summit Bukit Mertajam, Carrefour Bukit Minyak dan Megamall Pinang turut dijemput bagi mengadakan pameran mengikut giliran masing-masing pada setiap hari minggu hari Sabtu dan Ahad khusus bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kebersihan tandas awam.

Pameran akan dijalankan di lobi setiap pasaraya pada hujung minggu bagi menarik perhatian pengunjung serta meningkatkan kesedaran tentang bagaimana, mengapa dan bagaimana cara untuk mengekalkan tandas supaya sentiasa bersih dan selesa.



# Jimat air! seru Ketua Menteri

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Caj tarif air di negeri Pulau Pinang adalah yang terendah berbanding negeri-negeri lain dalam negara, namun, penggunaan air di sini (Pulau Pinang) adalah yang tertinggi iaitu 291 liter padu pada 2010 berbanding purata penggunaan nasional 203 liter padu pada tahun sama.

Dalam pada itu, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air (PBA) Pulau Pinang menyatakan bahawa walaupun purata penggunaan air di Pulau Pinang turun dari 291 liter padu pada 2010 ke 285 liter padu, kadar penggunaan tersebut masih disifatkan sebagai pembaziran memandangkan Kerajaan Negeri mensasarkan purata penggunaan adalah pada 233 liter padu.

"Pembaziran bukanlah hak mutlak rakyat. Kita (Kerajaan Negeri) tidak akan menaikkan tarif air, tetapi, akan berusaha mencari penyelesaian terhadap pembaziran air selain menaikkan *Water Conservation Surcharge* (WCS).

"Pulau Pinang bukan sahaja menawarkan kadar tarif yang rendah, malah, kualiti air adalah yang terbaik di Malaysia dan pada masa sama, kuantiti juga banyak.

"Oleh itu, saya ingin menyeru rakyat Pulau Pinang menyokong hasrat murni Kerajaan Negeri dan PBA dalam usaha mengurangkan pembaziran air dan tahap kebocoran air di Pulau Pinang. Air penting dalam memastikan kelestarian pembangunan," ujarnya ketika melancarkan Sambutan Hari Air Sedunia 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang di Taman Perbandaran di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN pelajar sekolah yang mengambil bahagian dalam pertandingan melukis sempena sambutan Hari Air Sedunia 2012 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

Turut hadir, Ahli Lembaga Pengarah PBA; Pengarah Negeri Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Kapten Ir. Anuar Yahya; Pengurus Besar PBA, Ir. Jaseni Maidinsa dan Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh.

Sambutan tersebut turut diserikan dengan pelbagai acara termasuk pameran korporat oleh beberapa agensi antaranya Persatuan Pengamatan Air Pulau Pinang (*Water Watch Penang*), PBA, Jabatan Alam Sekitar, Indah Water Konsortium dan Universiti Sains Malaysia (USM).

Tambah Guan Eng, sebagai inisiatif bagi mengelak pembaziran penggunaan air di negeri ini, PBA telah memperkenalkan WCS bermula tahun lalu dengan kadar caj sebanyak RM0.24 bagi setiap 1,000 liter padu sekiranya penggunaan air melebihi 35,000 liter padu sebulan.

"Bagi penggunaan 35,000 liter padu pertama setiap bulan, tarif yang dikenakan adalah RM0.31 setiap liter padu iaitu suatu jumlah yang terendah di Malaysia. Malah, tarif tersebut lima kali ganda jauh lebih rendah berbanding tarif semasa di Malaysia.

"Dengan cara ini (WCS) sahaja kita mampu menangani masalah pembaziran air dan penggunaan air melebihi had yang sepatutnya," ujar Ketua Menteri yang turut bercadang untuk menaikkan WCS sekiranya kadar penggunaan air tahunan melebihi purata penggunaan air nasional.

---

# *Way Finding System* perintis Tapak Warisan Dunia

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** *Think City* dan George Town *World Heritage Incorporated* bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah berjaya merealisasikan sebuah projek perintis '*Way Finding System*' di *Street of Harmoni*, Tapak Warisan Dunia George Town, di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, ianya merupakan satu projek yang dilaksanakan bagi memandu dan memudahkan pelawat serta pelancong menerokai bangunan-bangunan warisan terkenal di dalam Tapak Warisan Dunia George Town.

"Semenjak George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia pada tahun 2008, bilangan pengunjung dan pelancong kian bertambah saban tahun. Malah, banyak laporan suratkhabar antarabangsa telah memuji pembaharuan dan pemulihan yang kini berlaku.

"Oleh itu, satu rekabentuk papan tanda yang seragam dan informatif diperlukan di Tapak Warisan Dunia seperti papan tanda arah, peta lokasi dan panel tapak bangunan warisan serta penyediaan risalah elektronik bagi memudahkan mereka (pelawat dan pelancong) menjelajahi kawasan warisan ini," ujarnya ketika Majlis Perasmian *Way Finding System*, baru-baru ini.

Tambah beliau, pada fasa pertama projek perintis tersebut, ia hanya melibatkan Jalan Masjid Kapitan Keling dan 10 buah bangunan warisan di sekitarnya.

"Walaupun *Way Finding System* hanya diletakkan pada 10 bangunan utama di sekitar Tapak Warisan. Diharap pemasangan papan tanda berinformatif dan mesra pengguna ini diperluaskan di seluruh kawasan sekitar pada fasa-fasa berikutnya," ujar beliau.

*Way Finding System* adalah melibatkan Khoo Kongsi, Yap Kongsi, Masjid Kapitan Keling, Masjid Melayu Lebuh Acheh, Tokong Kuan Im, Tokong Pusaka Han Jiang, Bangunan Mahkamah Tinggi Pulau Pinang, Tugu Peringatan Logan, Kuil Sri Mahamariamman dan Gereja St. George.

Hadir sama Pemangku Pengurus Besar George Town *World Heritage Incorporated*, Lim Chooi Ping, Pengerusi Think City, Datuk Anwar Fazal dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Ng Wei Aik.




**PANEL tapak bangunan warisan yang dipasang di Khoo Kongsi.**

# 162 siswa P. Pinang terima zakat hampir RM1 juta

Oleh: **ZAINULFAQAR YAACOB**

**GEORGE TOWN –** Hampir RM1 juta wang zakat disumbangkan kepada 162 anak Pulau Pinang yang menuntut di beberapa Universiti sekitar Jordan, Mesir dan Indonesia.

Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang, Datuk Mansor Othman berkata, jumlah agihan sumbangan zakat kendalian Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ) itu adalah berdasarkan kadar kos kehidupan di luar negara dan bidang pengajian yang diambil oleh mahasiswa berkenaan.

"RM5,000 diberikan kepada pelajar bidang agama di Mesir serta Jordan dan RM12,500 bagi bidang perubatan di negara yang sama.

"Manakala, RM4,000 diberikan kepada pelajar bidang agama di Indonesia dan RM6,000 kepada kepada pelajar bidang perubatan di negara yang sama," ujarnya di Dewan Masyarakat Penyayang di sini baru-baru ini.

Buletin Mutiara difahamkan, tajaan akan terus diberikan kepada mahasiswa yang layak sepanjang tempoh pengajian dengan syarat mereka mendapat kelulusan akademik yang cemerlang saban semester.

Dalam pada itu, Mansor turut menyeru hadirin menyokong hasrat memansuhkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dengan merombak perbadanan itu menjadi skim biasiswa ke arah merealisasikan pendidikan percuma di negara ini.

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim turut berucap pada majlis itu.

Turut hadir, Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Datuk Seri Hassan Haji Ahmad dan Pengurus Besar PUZ Majlis Agama Islam Pulau Pulau Pinang (MAIPP), Dr. Azman Abdul Samat.

Kira-kira 300 hadirin, termasuk waris kepada mahasiswa berkenaan hadir pada Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan IPT Luar Negara anjuran MAIPP.

Dalam perkembangan berkaitan, Mansor turut meraikan lebih 300 mahasiswa dari Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dekat Kuching baru-baru ini demi menghargai anak-anak Pulau Pinang cemerlang di perantauan.




**MANSOR Othman (tengah) menyerahkan sumbangan zakat pendidikan bersama-sama SS Hassan Haji Ahmad (kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim pada Majlis Penyerahan Bantuan Pendidikan IPT Luar Negara anjuran MAIPP di sini baru-baru ini.**

---

# Kempen 'Jom Daftar' taska dilancar



**PHEE Boon Poh.**

Oleh : **ZULIANA AZIZ**

**AIR ITAM –** Demi menjaga kebajikan pemilik dan pelanggan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang baru-baru ini telah melancarkan Kempen 'Jom Daftar' bagi memberi kesedaran kepada semua pemilik taska serta pusat jagaan yang menjalankan operasi tanpa memohon permit sah.

Nada yang sama turut disuarakan oleh Ahli Jawatankuasa Kesihatan, Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh pada sidang akhbar itu.

Karnival ini adalah anjuran bersama *Penang Environment Working Group* (PEWOG) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Kon Yeow, Boon Poh, Datuk Dr Ong Hean Tee (Pengerusi PEWOG), Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha Perbandaran, MPPP), Haji Mubarak Junus (Jabatan Perkhidmatan Perbandaran, MPPP), Dr. Jody Shoba (Pengarah Kesihatan Awam, Perkhidmatan Awam dan Pelesenan, MPPP), Bu Fan (Pengurus Dell), Yee Kam Ming (Pengurus Besar Sunshine) Tan Lay Bee (Pengurus Pentadbiran IRM) antara dif kehormat yang hadir pada karnival berkenaan.

Sebanyak 20 hadiah cabutan bertuah termasuk komputer riba telah berjaya dimenangi mereka yang menyertai karnival mesra alam berkenaan.

# GRB memperkasakan wanita Pulau Pinang

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** Dalam usaha untuk terus memperkasakan golongan wanita, Kerajaan Negeri, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) telah memperuntukkan RM1.8 juta setiap tahun bagi pelaksanaan *Gender Responsive Budgeting* (GRB) atau Bajet Responsif Gender sebagai salah satu Projek Perdana (*Flagship Project*) di bawah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC).

Secara relatifnya, GRB yang bakal dilaksanakan bagi tempoh tiga tahun itu adalah suatu konsep pembangunan yang bertujuan memasukkan perspektif gender dalam bajet dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan kumpulan penduduk berbeza. Malah, pada masa sama, ia bertujuan mengagihkan sumber kerajaan secara saksama agar memenuhi keperluan semua lapisan rakyat.

Di Malaysia, Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang mengorak langkah melaksanakannya. Malah, pada peringkat global, lebih 60 buah negara antaranya di India, Filipina, Australia, Norway dan Sweden telah menjalankan program berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Lydia Ong Kok Fooi dalam ucapan perasmian Bengkel Latihan Memandu GRB di sini baru-baru ini berkata, GRB mengambil kira perbezaan dalam situasi, peranan, sumbangan serta keperluan antara lelaki dan perempuan yang seterusnya mengambil tindakan mengikut kesesuaian setelah menilai impak bajet tersebut.

"Selain itu, GRB juga menginstitusikan pelaksanaan serta pendekatan yang diambil oleh Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan) sama ada melalui dialog, pengumpulan data yang sistematik dan bengkel latihan," jelas beliau.

Hadir sama pada bengkel tersebut, tenaga pelatih undangan Profesor dan Pengarah KANITA, Datin Profesor Dr. Rashidah Shuib; Penasihat Projek GRB, Dr. Cecilia Ng Choon Sim; Setiausaha Perbandaran MPSP, Rozali Mohamud; Pengarah Perbendaharaan MPSP, Hairay Md. Yusof; ahli jawatankuasa KANITA, Profesor Madya Dr. Intan Osman dan Pensyarah Kanan Pusat Pengajian Pengurusan USM, Dr. Lilis Surienty Abd. Talib serta ahli jawatankuasa PWDC.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman sesawang PWDC di *www.pwdc.org.my* atau hubungi Pejabat PWDC di talian 04 - 226 2261.




**LYDIA Ong Kok Fooi (kanan sekali), Aloyah Bakar (dua dari kanan) beramah mesra dengan peserta Bengkel Latihan Memandu GRB di sini baru-baru ini.**

# Aksi Ketua Menteri, ADUN cuit peserta badminton

**SEMANGAT...** Pertandingan Badminton Terbuka Beregu Lelaki Piala Ahli Parlimen Bagan 2012 yang berlangsung baru-baru ini mencatatkan detik bersejarah apabila Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng turut turun padang untuk bersama beraksi.

Gimik tersebut juga turut menyaksikan Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Lim Hock Seng, berpasangan bersama Ketua Menteri sebagai 'beregu' dalam pertandingan singkat kira-kira lima minit.

Aksi Ketua Menteri dan Hock Seng yang kelihatan seolah-olah cuba merebut bulu tangkis cukup menggamatkan suasana dan mencuit hati para peserta dan tetamu yang hadir.

Pertandingan tahunan anjuran Ahli Parlimen Bagan yang diadakan di Dewan Seri Bagan Jermal, Raja Uda, Butterworth telah berjaya menarik penyertaan seramai 30 pasukan beregu.



**AKSI Ketua Menteri dan Lim Hock Seng ketika berpasangan sebagai beregu di dalam Pertandingan Badminton Terbuka Beregu Lelaki Piala Ahli Parlimen Bagan 2012 di sini baru-baru ini.**

# Sifat manja cendawan tiram kelabu tidak patah semangat Rohana

Oleh: **YAP LEE YING**
Gambar: **MOHD. HAFIZ TAJUDIN**



RUPA bentuk cendawan tiram kelabu.



BONGKAH-bongkah serbuk kayu disusun di bilik khas bagi memastikan pertumbuhan cendawan tidak terbantut.

**TIDAK** ramai yang mengetahui bahawa perusahaan tanaman cendawan tiram kelabu memerlukan banyak kesabaran dan juga pengorbanan. Selain sifatnya yang manja, kesulitan mendapatkan bekalan bongkah serbuk kayu dan benih elok merupakan cabaran utama yang perlu dihadapi oleh pengusaha-pengusaha di seluruh negara.

Enggan mengendahkan cabaran yang bakal dihadapi, pengusaha cendawan Mawar Merah Penanti Enterprise, Rohana Shamsudin, 46, mengangapnya sebagai ujian daripada Tuhan. Sepanjang penglibatan beliau dalam tempoh lima tahun, Rohana pernah mengalami kerugian berpuluh-puluh ribu ringgit pada tahun 2010 dan 2011 ekoran keadaan cuaca yang melampau dan benih yang dibeli rosak.

"Memang saya kecewa. Tapi atas dorongan dan sokongan berterusan daripada suami, saya teruskan juga. Malah, semua kerugian ditanggung oleh suami yang menaruh kepercayaan bahawa saya boleh berjaya di dalam bidang tani ini," kata Rohana kepada Buletin Mutiara (BM) yang mengadakan lawatan khas ke kediaman yang juga lokasi penanaman cendawan tiram kelabu miliknya di Kampung Petani, Penanti, Seberang Perai Tengah (SPT) di sini baru-baru ini.

Susulan daripada kursus anjuran Jabatan Pertanian, Rohana kemudian cuba meneroka sendiri bidang tani yang begitu glamor dalam kalangan masyarakat umum sebelum ini. Tidak sampai tempoh setahun, Rohana kemudian menghadapi cabaran utama iaitu mendapatkan bekalan bongkah serbuk kayu.



ROHANA Shamsudin menunjukkan cara memasukkan biji benih cendawan tiram kelabu ke dalam bongkah serbuk kayu.

Menyedari dilema tersebut, beliau kemudian mengeluarkan modal simpanannya untuk mendapatkan peralatan serta mesin memproses bongkah serbuk kayu sendiri. Pelaburannya berbaloi apabila beliau kini bukan hanya pembekal cendawan tiram kelabu kepada pasar dan restoran-restoran sekitar kawasan tersebut, malah, turut membekalkan bongkah serbuk kayu kepada pengusaha-pengusaha cendawan lain.

"Bongkah serbuk kayu adalah asas kepada penanaman cendawan tiram kelabu. Serbuk yang digunakan adalah 100% serbuk kayu getah (tanpa sebarang campuran bahan-bahan lain). Sekiranya terdapat campuran dalam bongkah serbuk kayu, maka, cendawan tidak dapat tumbuh, sebaliknya, akan dijangkiti virus dan kemudian merebak melalui proses pengewapan," jelas Rohana.

Selain bongkah kayu, cabaran yang dihadapi oleh pengusaha cendawan seperti beliau adalah bekalan mendapatkan benih yang elok.

"Benih yang terbaik adalah benih tempatan. Ini dapat dibezakan melalui batang cendawan yang tumbuh kelak. Sekiranya menggunakan benih dari Siam (Thailand), batang cendawan yang tumbuh adalah lebih kecil dan mudah lesu. Malah, menurut pengusaha-pengusaha restoran, bau sup yang dihasilkan juga akan berbau hancing," ujarnya lagi.



SERBUK kayu getah tanpa sebarang campuran bahan tambahan yang digunakan dalam penyediaan bongkah bagi pertumbuhan cendawan.

Rohana menyatakan bahawa, ketika beliau mula menyertai bidang tani tersebut iaitu sekitar tahun 2008, masyarakat umum belum 'pandai' makan cendawan.

"Bagi menghabiskan bekalan cendawan yang tumbuh, setiap pagi saya akan kutip dan bungkus dalam pek-pek kecil untuk dijaja di Pasar Bukit Mertajam.

"Saya buat promosi, tiga bungkus dijual pada harga RM3.50. Pada waktu petang, saya jual goreng pisang dan sambil-sambil itu, saya turut goreng cendawan (menggunakan tepung ciptaannya sendiri) untuk dicuba para pelanggan secara percuma," kata beliau yang kini turut bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dalam melengkapkan kursus penanaman cendawan kepada para pelatih di kawasan berkenaan.

Kini, bagi memenuhi permintaan pasaran yang tinggi, cendawan Rohana dipasarkan di pasar-pasar kawasan Permatang Pauh, Seberang Jaya dan kedai-kedai makan di seluruh negeri. Pada masa sama, ada juga pembekal yang datang mengambil bekalan di rumahnya pada setiap hari.

Menjelas lanjut, Rohana menyatakan bahawa dengan keluasan 50 x 60 kaki persegi 'rumah' cendawan yang diusahakan kini, kira-kira 12 hingga 15 kilogram cendawan dapat dikutip setiap hari. Malah, sekiranya disusun elok (diletakkan secara terbalik) di dalam plastik khas, cendawan dapat bertahan dalam tempoh satu minggu.

Bagi perancangan masa depan, Rohana berharap supaya 'rumah' cendawannya dapat diperbesarkan lagi bagi memenuhi permintaan tinggi daripada pelbagai pihak kini. Pada masa sama, beliau juga ingin mempromosikan lagi tepung goreng cendawan keluaran beliau.

***Bagi tempahan dan maklumat lanjut, hubungi :***

**Rohana Shamsudin,**
**013 – 403 1234**
atau di alamat, 298, MMK 3,
Kampung Petani,
14000 Bukit Mertajam.

# MPSP tidak lagi dibebani dengan masalah hutang – kenangan paling manis Ahli Majlis lima penggal

MELIHAT kepada keperibadiannya, beliau merupakan seorang yang sangat rendah diri, peramah dan komited dengan setiap kerja yang dilakukan. Beliau pernah berkhidmat sebagai guru selama enam tahun di Sarawak serta enam tahun di Sungai Bakap, Pulau Pinang. Malah, beliau juga pernah menyandang tugas sebagai Timbalan Pengetua di Sekolah Menengah Kebangsaan semasa bertugas di Sarawak.

Ikuti temubual khas wartawan Buletin Mutiara (BM), **ZULIANA AZIZ** serta jurugambar, **MOHD. HAFIZ TAJUDIN** bersama Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Teoh Seang Hooi, 52, atau lebih dikenali sebagai Cikgu Teoh di sini baru-baru ini.



TEOH Seang Hooi semasa ditemubual oleh wartawan Buletin Mutiara baru-baru ini.

**BM : Boleh Cikgu ceritakan serba sedikit mengenai latar belakang serta pengalaman dalam bidang berkaitan.**

**CIKGU TEOH :** Saya pernah berkhidmat di bawah tiga orang Yang Di-Pertua (YDP) iaitu Datuk Farizan Darus, Datuk Mokhtar Jait dan terkini Puan Maimunah Mohd. Sharif. Selepas Pulau Pinang bertukar tampuk pemerintahan, saya merupakan salah seorang daripada kumpulan pertama yang dilantik sebagai Ahli Majlis pada 23 Mei 2008. Tiga yang lain ialah Soon Lip Chee, Reenu dan Johari Kassim. Sepanjang penglibatan saya sebagai Ahli Majlis terutamanya pada pemerintahan Pakatan Rakyat (PR), banyak perubahan dan peningkatan MPSP yang saya dapat lihat dalam pelbagai bidang. Pertama sekali adalah dalam bidang kewangan, disusuli dengan pentadbiran dan seterusnya semangat kekitaan yang semakin utuh kini.



TEOH Seang Hooi.

**BM : Seperti Cikgu katakan tadi, Cikgu telah berkhidmat bersama tiga generasi berbeza YDP MPSP. Apakah perbezaan yang paling ketara di MPSP sepanjang penglibatan Cikgu sebagai Ahli Majlis dulu dan sekarang.**

**CIKGU TEOH :** Paling ketara sekali semestinya dari segi kewangan. Jika dulunya MPSP dikatakan hampir bankrap apabila mengalami defisit sebanyak RM230 juta sekitar tahun 2000-2007, tetapi setelah tampuk Kerajaan Negeri diambil alih oleh PR, defisit tersebut telah dapat diatasi. Malah, MPSP berjaya mencatatkan keuntungan sebanyak RM3.2 juta pada penghujung tahun 2008 hanya dalam masa enam bulan Kerajaan Negeri PR memerintah negeri ini. Ini merupakan perbezaan paling ketara yang saya serta semua kakitangan MPSP dapat rasakan.

**BM : Apakah perkara atau kenangan manis yang paling bermakna kepada Cikgu sepanjang penglibatan sebagai Ahli Majlis.**

**CIKGU TEOH :** Sudah semestinya kenangan tersebut ialah apabila MPSP tidak lagi dibebani dengan masalah hutang yang hampir meruntuhkan organisasi pentadbiran MPSP. Keduanya, peruntukan untuk setiap Ahli Majlis disambung semula. Peruntukan khas tersebut adalah bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang negeri hijau dan bersih pertama di Malaysia sekaligus menjayakan kempen '*Cleaner Greener Penang*'. Rakyat juga boleh merasai hasil daripada pelaburan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri apabila pelbagai kempen kesedaran mencintai alam sekitar serta program kitar semula bagi mengelakkan pembuangan sampah secara berleluasa dan tidak terkawal.

**BM : Sepanjang tempoh perkhidmatan Cikgu, apakah perkara atau tugas paling sukar dalam bidang ini.**

**CIKGU TEOH :** Paling sukar ialah untuk atasi masalah penjaja atau peniaga haram terutama di tepi-tepi jalan. Bila kita buat operasi, mereka disaman dan ada yang melarikan diri. Esoknya, mereka kembali menjalankan perniagaan walaupun sudah diberi amaran. Kita (MPSP) tidak mampu untuk membuat pemerhatian setiap hari ke atas peniaga-peniaga seperti ini. Kawasan Seberang Perai sangat luas. Sukar untuk kita kenalpasti mereka yang terlibat. Penguatkuasaan sahaja tidak cukup untuk mengatasi masalah berkenaan. Penguatkuasaan haruslah berserta dengan jalan penyelesaian. Barulah semua masalah dapat diatasi dan melancarkan kerja-kerja semua pihak.

**BM : Apakah cadangan atau sumbangan yang MPSP dapat berikan kepada rakyat negeri ini khususnya di Daerah Seberang Perai.**

**CIKGU TEOH :** Pertama sekali, kami akan mempertingkatkan kerja-kerja pembersihan khususnya di Daerah Seberang Perai Utara (SPU) dan Seberang Perai Selatan (SPS). Kedua, kami akan berusaha untuk terus mencari jalan lain sebagai langkah penjimatan supaya kami dapat memberikan perkhidmatan yang lebih luas dan cemerlang kepada rakyat. Ketiga, kami akan cuba untuk menaiktaraf MPSP menjadi sebuah organisasi bertaraf 4 Bintang.

# Strategi 4P ke arah tandas bersih

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Bagi meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan kebersihan tandas sebagai salah satu budaya masyarakat yang wajar dipraktikkan, Kerajaan Negeri bersama Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) telah melancarkan Kempen Tandas Bersih 2012 di sini baru-baru ini.

Ahli Majlis MPPP, Ong Ah Teong berkata, objektif kempen tersebut bukan sahaja bagi memupuk kesedaran, tetapi juga bagi meningkatkan profesionalisme dalam penyelenggaraan pengurusan tandas dan meningkatkan imej tandas ke tahap berprestij tinggi.

"Untuk memastikan kempen ini mencapai objektifnya, strategi 4P diperkenalkan iaitu pembelajaran, publisiti, penilaian dan pengiktirafan. Fasa pembelajaran telah bermula dari bulan Mac di mana kita (MPPP) telah mengadakan kursus dan taklimat bersama penyelia, pengendali tandas, pengusaha stesen minyak, restoran dan pusat beli-belah agar maklumat ini dapat disampaikan dengan menyeluruh.

"Pada masa sama, risalah, poster, pameran di kompleks beli-belah, paparan digital dan portal MPPP digunakan sebagai




**POSTER** Kempen Tandas Bersih 2012.

medium publisiti dan insiatif tersebut diharap dapat menjadi perantara berkesan untuk penyaluran mesej ini kepada masyarakat," katanya pada majlis sidang akhbar Kempen Tandas Bersih 2012 di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, tambah Ah Teong, satu unit penilaian telah dibentuk dengan melibatkan Jabatan Pelajaran Negeri (tandas sekolah), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Kementerian Kesihatan Malaysia (tandas pejabat kerajaan), Bahagian Perlesenan MPPP (tandas stesen minyak, restoran, kedai makan dan pusat beli belah) dan Bahagian Perkhidmatan Perbandaran MPPP ( tandas milik PBT).



**ONG Ah Teong (tengah) bersama Pegawai MPPP menunjukkan sebahagian risalah yang digunakan untuk tujuan publisiti Kempen Tandas Bersih 2012 di sini baru-baru ini.**

"Unit ini berperanan bagi menilai keseluruhan tandas di Pulau Pinang pada fasa pertama yang bermula pada Mei sehingga Julai 2012 nanti. Seterusnya, tandas yang memperoleh jumlah mata yang tinggi akan layak ke fasa kedua (Ogos – Julai 2012)," jelas Ah Teong.

## Longkang berlubang undang bahaya awam

**GELUGOR** – Sikap tidak bertanggungjawab sesetengah individu yang tergamak mencuri besi penutup longkang di sekitar kawasan perumahan di sini telah mengundang bahaya terhadap keselamatan orang awam terutamanya kanak-kanak yang melalui lokasi-lokasi berkenaan.

Ahli Majlis Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP), Iszuree Ibrahim berkata, ekoran sikap vandalism yang dianggap mementingkan diri itu, ia secara tidak langsung menyebabkan masyarakat awam berisiko tinggi ditimpa kemalangan.

Jelas beliau, adalah tidak dinafikan bahawa peningkatan kes jenayah terbabit adalah ekoran harga besi yang tinggi di pasaran.

"MPPP selaku pihak berkuasa tempatan bagaimanapun tidak mempunyai kuasa dan autoriti terhadap penutup besi yang terletak di jalan luar daripada kawasan bandar.

"Apa yang mampu kami (MPPP) lakukan adalah menulis surat dan merujuk perkara tersebut kepada pengetahuan Jabatan Kerja Raya (JKR) agar tindakan segera diambil," ujarnya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Iszuree menegaskan bahawa, sekiranya didapati pemilik kedai barangan terpakai membeli harta Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan, mereka (pemilik kedai barangan terpakai) bakal berhadapan dengan penarikan semula lesen dan barangan tersebut bakal dirampas atas kesalahan memiliki harta kerajaan.



**SEORANG kanak-kanak menunjukkan keadaan longkang yang berlubang akibat kes kecurian besi penutup longkang yang kian berleluasa di sini.**

# 60 peratus tidak jelas tunggakan sewa pasar awam

Oleh: **ZULIANA AZIZ**

**SEBERANG PERAI –** Hampir semua pasar-pasar awam dan Kompleks Makanan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) kecuali Pasar Awam Sri Uda mempunyai tunggakan sewaan sekaligus mengugat reputasi kewangan bagi pelaksanaan skop-skop kerja lain pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan setiap tahun.

Menurut Ahli Majlis MPSP, Soon Lip Chee, walaupun kerja-kerja penguatkuasaan dijalankan, namun, ramai peniaga yang masih berdegil dan tidak mengendahkan arahan daripada MPSP supaya menjelaskan tunggakan sewaan masing-masing.

Katanya, hasil siasatan mendapati, pada tahun 2009, kira-kira 60 peratus peniaga tidak menjelaskan sewaan di kebanyakan gerai-gerai pasar awam dan kompleks makanan sekitar Seberang Perai.

"Jumlah tersebut sangat tinggi dan kita sukar untuk mengawal setiap peniaga ekoran jumlah mereka yang ramai. Hal ini menjadi masalah yang besar kepada MPSP kerana walaupun arahan dan notis telah dikeluarkan, mereka (peniaga) masih tidak menghiraukan serta memandang perkara ini," jelas Lip Chee ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Tambah beliau, pada tahun 2010, satu mesyuarat telah diadakan bagi menyemak semula senarai peniaga yang tidak menjelaskan sewa bulanan. Justeru, tindakan lanjut telah diambil dengan mewujudkan perkhidmatan kaunter bergerak MPSP demi memudahkan peniaga dan orang ramai berurusan dengan pihak kami (MPSP) termasuk menjelaskan tunggakan, membayar cukai, membayar saman dan sebagainya.



SALAH sebuah pasar awam yang terdapat di Butterworth, Seberang Perai di sini.

"Pada tahun ini, kita telah buat perkhidmatan kaunter bergerak pada setiap bulan dan menyediakan pegawai khas bagi membantu mengutip kadar sewaan daripada setiap peniaga. Melalui perkhidmatan ini, kita telah dapat mengurangkan kadar tunggakan sebanyak 3.15 peratus bagi tahun lalu," tambah Lip Chee lagi.

Oleh yang demikian, MPSP berharap agar setiap peniaga lebih bertanggungjawab dan prihatin bagi membantu menangani masalah yang dihadapi sekaligus menjelaskan sewaan setiap bulan untuk kemudahan semua pihak.

# Sudut bersantai untuk tingkat kualiti hidup rakyat

**NIBONG TEBAL –** Para penghuni Rumah Pangsa di Jalan Chandra Sharif di sini menyambut baik usaha Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Teoh Seang Hooi dalam meningkatkan kualiti hidup mereka di rumah pangsa berkenaan.

Menurut Seang Hooi, satu sudut bersantai telah dibina khusus bagi kemudahan para penghuni beristirehat terutama pada hujung minggu dengan menggunakan peruntukkan yang telah diberikan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang kepada beliau.

"Terdapat satu set kerusi dan meja terazo dan enam pasu bunga di ditanam dengan pelbagai jenis flora demi menjadikan tempat itu lebih ceria dan selamat. Malah, pagar dan pintu besi juga telah dibina semula," ujar beliau ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Dalam ucapan perasmian sudut bersantai berkenaan baru-baru ini, Seang Hooi turut memaklumkan bahawa Kerajaan Negeri sentiasa mengambil berat dan prihatin terhadap para penghuni rumah-rumah pangsa.

"Walaupun Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat banyak menjalankan projek-projek mega, namun, nasib dan kebajikan rakyat biasa akan tetap menjadi keutamaan terpenting di negeri ini," tambah beliau lagi.

Pada tahun lalu, setiap Ahli Majlis MPSP masing-masing diperuntukkan RM50,000 untuk projek-projek keindahan bandar sekaligus merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri dalam menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri hijau dan bersih pertama di Malaysia.



TEOH Seang Hooi (duduk, dua dari kiri) beramah mesra dengan para penghuni rumah pangsa di Jalan Chandra Sharif selepas perasmian Sudut Bersantai di sini baru-baru ini.

# MPPP peka, pusat hiburan tidak berlesen diserbu

**GEORGE TOWN –** Ketenteraman penduduk di Lebuh Campbell yang terganggu akibat bunyi bising sebuah pusat hiburan haram yang telah beroperasi dalam tempoh 10 tahun akhirnya berakhir apabila Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menyerbu premis terbabit di sini baru-baru ini.

Jurucakap MPPP berkata, sebelum ini, pusat hiburan terbabit dianggap 'kebal' apabila sering menghidu serbuan yang akan dijalankan oleh pihak penguatkuasa sehingga mampu bertahan (beroperasi) dalam tempoh yang begitu lama.

"Operasi yang pada mulanya dirancangkan pada jam 3 pagi terpaksa ditukarkan ke jam 1 pagi. Kita (MPPP) tidak mahu sebarang kebocoran maklumat sekali lagi berlaku. Sebelum ini, pihak majlis pernah mengadakan operasi serbuan, namun, menemui kegagalan apabila setiap kali datang (serbuan), pastinya premis ditutup," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Serbuan tersebut dianggotai 20 anggota Unit Penguatkuasa MPPP yang diketui oleh Azizan Md. Desa, wakil dari Jabatan Perlesenan, Taufik Junik dan turut dibantu empat anggota Polis Diraja



BARANGAN tred di dalam premis diperiksa sebelum disita oleh Unit Penguatkuasa MPPP dalam serbuan yang dilakukan ke atas sebuah pusat hiburan haram di Lebuh Campbell di sini baru-baru ini.

Malaysia (PDRM) Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut di sini.

Katanya, MPPP bertanggungjawab menyelesaikan setiap aduan yang diterima, aspek kebocoran maklumat yang berlaku sebelum ini menyebabkan bahagian penguatkuasa lambat untuk bertindak dan bukannya MPPP tidak komited sebagaimana didakwa sesetengah pihak.

Tambah beliau, sebelum mengambil tindakan sedemikian, pihak majlis akan mengeluarkan kompaun di bawah Undang-Undang Kecil MPPP mengikut Akta Pusat Hiburan yang boleh dikenakan kompaun sehingga RM20,000.

# PKI 12 dapat sambutan menggalakkan




PARA peserta PKI 12 bergambar kenang-kenangan sebelum memulakan kayuhan ke Bukit Hijau di sini baru-baru ini.

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI

**BERTAM –** Kayuhan basikal amal, Program Kayuhan Ibadah 2012 (PKI 12) anjuran Pejabat Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Bertam dengan kerjasama Jawatankuasa Qaryah Permatang Kuang telah berjaya memperoleh penyertaan menggalakkan terutama dalam kalangan anak-anak muda di sini baru-baru ini.

PPK Bertam, Asrol Sani Abdul Razak bersyukur bahawa penganjuran julung kali tersebut telah berjaya menarik penyertaan kira-kira 100 peserta yang terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat.

"Budak-budak umur 12 tahun pun turut serta. Malah, ada yang berusia 60 tahun. Inilah ukhuwah yang ingin diterapkan," katanya kepada Buletin Mutiara di sini.

Selain kayuhan amal, turut diselitkan elemen-elemen ibadah seperti Tazkirah Ibadah Fardhu 'Ain, Praktikal Wudhuk Sempurna, Praktikal Solat Sempurna, Praktikal Penyembelihan Ayam dan solat berjemaah di masjid Sungai Karangan.

Kayuhan amal yang bermula dari Kampung Permatang Kuang, Kepala Batas, melalui Pinang Tunggal, Padang Serai, Karangan dan berakhir di Taman Rekreasi Bukit Hijau, Kedah mengambil masa lebih kurang empat jam. Pelepasan disempurnakan oleh Ahli Majlis Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Johari Kassim dan Pengerusi Qaryah Permatang Kuang, Said Salleh..

# Pelajar cemerlang DUN Permatang Pasir dirai

Oleh : ZULIANA AZIZ

**PERMATANG PASIR –** Walaupun ayahnya hanya bekerja sebagai peniaga laksa di kampung, namun, ia tidak menghalang seorang pelajar, Noratikah Abd Rahman, 20, untuk berusaha dengan lebih gigih dalam bidang pelajaran.

Hasilnya, beliau berjaya memperoleh keputusan cemerlang iaitu 4A bagi semua mata pelajaran yang diambil dalam peperiksaan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) tahun lalu.

Pencapaian cemerlang bekas pelajar Sekolah Menengah Tinggi Bukit Mertajam tersebut mendapat perhatian Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Datuk Mohd. Salleh Man apabila beliau tampil memberi sumbangan peribadi di rumah keluarga pelajar berkenaan di Kampung Pelet, di sini baru-baru ini.

Sumbangan tersebut telah disampaikan kepada bapa Noratikah, Idris Othman, 63, sambil disaksikan oleh ibu Noratikah, Che Piah Darus, 58, serta beberapa orang pembantu daripada pejabat ADUN Permatang Pasir.

Selain Noratikah, seorang lagi pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia



NUR Illiana Mohd. Zaki gembira menunjukkan slip keputusan peperiksaan SPM serta cek sumbangan peribadi daripada Mohd. Salleh Man di kediamannya di sini baru-baru ini.

(SPM), Nur Illiana Mohd. Zaki, 18, turut menerima sumbangan peribadi daripada Mohd. Salleh.

Beliau yang berjaya memperoleh 10A dalam peperiksaan SPM tahun lalu merupakan pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Penanti, Kepala Batas.

Menurut Illiana, beliau berusaha bersungguh-sungguh dan tidak sesekali berputus asa dalam bidang pelajaran kerana menurut beliau, masa depannya bergantung kepada keputusan yang diperoleh dan bakal mencorakkan kehidupan yang lebih baik di masa akan datang.

# PBI tingkat mutu hidup melalui kebersihan

**SUNGAI ACHEH** – Selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau, Program Bersih dan Indah (PBI) yang dianjurkan oleh Timbalan Ketua Menteri I, Datuk Mansor Othman bersama kepimpinan kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Sungai Acheh mendapat sambutan menggalakkan.

Menurut Pegawai Penyelaras KADUN Sungai Acheh, Mohd. Kamil Abu Bakar, PBI merupakan salah satu cabang program *Cleaner Greener Penang* (CGP) yang dilaksanakan secara bersama dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

"Program ini bertujuan untuk meningkatkan mutu dan kualiti hidup kita melalui kebersihan dan pengindahan alam sekitar.

"InsyaAllah bagi kawasan Sungai Acheh ini khususnya dan amnya di kawasan Nibong Tebal ini, kita akan cuba sedaya upaya untuk mengadakan PBI secara menyeluruh dan berfasa dalam tempoh lima tahun," ujar Mohd. Kamil di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, beliau turut berharap dengan program seumpama ini, bukan sahaja mampu memanfaatkan alam sekitar, malah, penduduk di kawasan sekitar. Sejumlah 50 batang pokok bakau telah ditanam di kawasan sekitar Kampung Sungai Chanaam dekat sini.

Hadir sama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Bakap, Maktar Shapee.



MOHD. Kamil Abu Bakar (kanan sekali) bersama Mansor Othman (bertopi) dan Maktar Shapee (duduk, dua dari kanan) menanam pokok bakau bersempena penganjuran PBI di Kampung Sungai Chanaam di sini baru-baru ini.

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**

# Wanita Pulau Betong terima sumbangan baju mentara

**PULAU BETONG** – Bagi meraikan pengorbanan dan jasa kaum wanita, Pusat Khidmat Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong telah mengambil inisiatif khas menganjurkan Majlis Sepetang Bersama Wanita (MBSW) di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Pada majlis tersebut, turut disumbangkan adalah 50 pasang baju mentara yang merupakan pakaian seragam bagi kegunaan wanita di Kampung Pulau Betong untuk menghadiri majlis kenduri atau program-program amal dan kemasyarakatan.

Majlis penyerahan sumbangan disempurnakan oleh isteri Timbalan Ketua Menteri I, Datin Aishah Zainul.

Menurut PPK, Mohd. Tuah Ismail, wanita memainkan peranan terpenting dalam membentuk masyarakat dan menjadi penyeri dalam segala hal.

"Oleh itu, bagi meraikan wanita, banyak program-program telah diatur untuk mengiktiraf wanita khususnya di Pulau Betong.

"Malah, Majlis Sepetang Bersama Wanita di Pulau Pinang ini bukan sahaja untuk menzahirkan rasa terima kasih atas jasa dan pengorbanan wanita, tetapi, untuk merapatkan lagi ukhuwah antara kepimpinan dengan wanita,",'' katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

MSBW adalah anjuran bersama Pejabat Pusat Khidmat PPK, Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Pulau Betong, Jawatankuasa Qaryah Masjid Pulau Betong, Biro Hal Ehwal Wanita Qaryah Pulau Betong dan Wanita Pulau Betong.



**MOHD. Tuah Ismail (berdiri) ketika menyampaikan ucapan alu-aluan beliau kepada para tetamu bersempena penganjuran Majlis Sepetang Bersama Wanita di Pulau Pinang di sini baru-baru ini.**

# Ringgo Arrow meriahkan majlis sumbangan

**PENAGA** – Majlis Penyampaian Bantuan Zakat Pusat Urus Zakat (PUZ) Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga dimeriahkan dengan kehadiran artis terkenal tempatan, Ringgo Arrow di sini baru-baru ini.

Selain menyempurnakan majlis penyampaian kepada 10 individu kurang berkemampuan dan kelainan upaya, Ringgo atau nama sebenarnya, Mohamad Zin Ramli turut mendendangkan beberapa buah lagu popularnya bagi menghiburkan para hadirin.



**RINGGO Arrow (kiri sekali) menyampaikan sumbangan kepada penerima bantuan zakat PUZ sambil disaksikan Rosidi Hussain (dua dari kiri) pada majlis penyampaian bantuan di sini baru-baru ini.**

Turut disampaikan adalah sumbangan kepada 37 anak-anak yatim dari Sekolah Menengah Kebangsaan Permatang Tok Labu dan tiga penerima dari Sekolah Kebangsaan Lahar Kepar di sini.

Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Penaga, Rosidi Hussain berkata, penyampaian bantuan dan sumbangan kali ini amat berbeza dengan sebelumnya.

"Kali ini kita undang Ringgo Arrow. Alhamdulillah, dia (Ringgo Arrow) sudi meluangkan masa bersama penerima-penerima bantuan zakat dan anak-anak yatim yang hadir di sini.

"Seronok tengok anak-anak yatim ketawa, riang, terhibur dengan keletah Ringgo," katanya pada Majlis Penyampaian Bantuan PUZ di sini baru-baru ini.

Tambah Rosidi, penyampaian bantuan zakat PUZ merupakan kali kelima diadakan bagi tahun 2012, manakala, bagi penyampaian sumbangan kepada anak-anak yatim di Penaga adalah kali ketiga.

# Ibu tunggal dapat bantuan rumah

**PINANG TUNGGAL** – Nasib seorang ibu tunggal berusia 63 tahun yang memerlukan sebuah rumah baru telah memperoleh perhatian daripada pihak Pusat Urus Zakat (PUZ), Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) di sini baru-baru ini.

Lanjutan itu, Majlis Penyampaian Khas Kunci Bantuan Perumahan ringkas yang disempurnakan Ahli Lembaga Pengarah PUZ, Datuk Mohd. Salleh Man serta Ahli Lembaga Pengarah as-Sahabah Urus Zakat, MAIPP, Ir. Ahmad Zakiyudin Abdul Rahman telah diadakan dengan lancar.

Ibu tunggal, Sakdiah Abdul Hamid berasa sangat bersyukur dan terharu apabila menerima bantuan perumahan tersebut.

Dalam pada itu, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pinang Tunggal, Muhasdey Muhamad yang turut menjayakan penyampaian bantuan berkenaan menyatakan bahawa, ia (program tersebut) merupakan sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (*corporate social responsibility* – CSR) PUZ dalam merakyatkan zakat.

"Selaras dengan slogan PUZ, bantuan tersebut diharap dapat meringankan bebanan yang ditanggung oleh Puan Sakdiah yang juga seorang ibu tunggal,'' katanya kepada Buletin Mutiara.

Serentak itu, PUZ turut menyampaikan sumbangan wang zakat kepada 20 penduduk yang kurang berkemampuan di Kampung Air Melintang Kecil di sini.



**MOHD. Salleh Man (tiga dari kanan) menyampaikan replika kunci rumah kepada Sakdiah Abdul Hamid (empat dari kanan) sambil disaksikan Muhasdey Muhamad (lima dari kanan) dan Ir. Ahmad Zakiyudin Abdul Rahman (dua dari kanan) pada Majlis Penyampaian Khas Kunci Bantuan Perumahan di sini baru-baru ini.**

# BN Hilang Modal & Terus Buat Fitnah :

| FITNAH UMNO | FAKTA BENAR |
|---|---|
| Penjualan tanah Bayan Mutiara dibuat secara rundingan. | Tender terbuka dijalankan dan tidak diberikan kepada kroni. |
| Hasil penjualan tanah Bayan Mutiara tidak bermanfaat kepada rakyat. | RM500 juta diperuntukkan untuk membina rumah mampu milik bermutu yang terbaik di Malaysia agar golongan tidak berada boleh hidup dengan bermaruah. |
| Harga jualan RM240 sekaki persegi terlalu rendah kerana boleh dijual dengan harga RM420 sekaki persegi. | Harga tender terbuka untuk semua. Cabar UMNO beli dengan RM420 sekaki persegi tapi UMNO tidak berani terima. |
| Rancangan pembinaan terowong ke Balik Pulau. | Tiada rancangan langsung. |
| Anti-Bahasa Malaysia kerana minta pelajar boikot Utusan Malaysia dan Berita Harian. | Minta pelajar pilih Sinar Harian (SH) yang lebih benar daripada Utusan Malaysia dan Berita Harian yang pandai sebarkan fitnah anti-PR. Bukankah SH suratkhabar Bahasa Malaysia? |
| Konspirasi besar kerana Ketua Menteri menerima kunjungan hormat Ahli Parlimen wanita PAP. | Mengapa tiada konspirasi apabila Ahli Parlimen wanita PAP turut mengadakan kunjungan hormat terhadap Wanita UMNO? |
| Ketua Menteri cakap tidak perlukan undi kaum India. | Bukti video menunjukkan bahawa Ketua Menteri mahu dan hormat semua kaum termasuk kaum India. |
| Kerajaan Negeri roboh rumah kampung orang Melayu. | Tiada sebuah rumah kampung pun dirobohkan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya koperasi yang dipengerusikan UMNO robohkannya. |

**Ketua Menteri telah menang saman malu terhadap Utusan Malaysia sebanyak RM 250 ribu atas fitnah jahat beliau anti-Islam, anti-Melayu.**